

P

LG
173
.M44
.U60
2010
ra

KOD ETIKA IAN & GARIS AN PAKAIAN RAGAM UTeM

BAHAGIAN PENGURUSAN ORGANISASI
PEJABAT PENDAFTAR, UTeM



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA



KOMPETENSI TERAS KEGEMERLAWIAN

Jutaan Terima Kasih



Kepada
PE JABAT PENDAFTAR

Daripada
Perpustakaan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal, Melaka
Malaysia

Tel: 06-331 6822 Fax: 06-331 6811

Laman Web: <http://library.utem.edu.my> E-Mail: library@utem.edu.my



اوینیورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PERPUSTAKAAN
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

0000061396

18 JUN 2010

ra

LG173.M44 .U60 2010.



M44.U60
2010

0000061396

Kod etika pakaian & garis panduan pakaian seragam UTeM
/ Bahagian Pengurusan Organisasi Pejabat Pendaftar,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

KOD ETIKA PAKAIAN & GARIS PANDUAN PAKAIAN SERAGAM UTeM

BAHAGIAN PENGURUSAN ORGANISASI
PEJABAT PENDAFTAR, UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Buku panduan ini disediakan oleh Bahagian Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar untuk kegunaan staf agar dapat melahirkan staf yang berdisiplin, beretika kerja dan membentuk imej yang baik kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Maklumat yang terkandung di dalam buku panduan ini, adalah berdasarkan kepada peraturan perkhidmatan pada tarikh penerbitan buku ini. Semua gambar yang tertera di dalam buku ini adalah ilustrasi pereka dan didasarkan kepada Kod Etika Pakaian dan Garis Panduan Pakaian Seragam UTeM yang berkuatkuasa

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, samada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Diterbitkan di Malaysia oleh
Penerbit Universiti
Karung Berkunci No.1752,
Pejabat Pos Durian Tunggal,
76109 Durian Tunggal, Melaka.
اوینیورسیتی ملکیسی ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PRAKATA

Assalamualaikum wrt wrb dan salam sejahtera kepada semua warga UTeM.

Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah dan kurnianya, Buku Kod Etika Pakaian Dan Garis Panduan Pakaian Seragam ini Berjaya dicetak dan dikeluarkan sebagai sumber rujukan pemakaian pakaian di universiti ini. Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A mengenai Pakaian Bekerja dan Upacara Rasmi dan Bahagian B pula mengenai Pakaian Seragam.

Buku ini bertujuan untuk memberi penerangan secara ringkas serta padat mengenai peraturan dan rekabentuk pakaian seragam yang telah digazetkan di universiti ini. Ia juga menyentuh mengenai cara pemakaian pakaian ketika menghadiri sesuatu majlis secara formal mahupun tidak formal. Melalui penerbitan buku ini juga, adalah diharapkan ia dapat dijadikan sebagai sumber rujukan mengenai cara dan pemakaian yang dibenarkan termasuk pemakaian pakaian yang tidak dibenarkan.

Adalah diharapkan dengan adanya buku ini, ia akan menjadi rujukan utama pemakaian pakaian dan juga membantu staf universiti ini bagi memahami secara lebih terperinci mengenai tatacara pemakaian yang telah ditetapkan, seterusnya dapat meningkatkan keseragaman pemakaian pakaian serta membawa imej yang kemas dan segak kepada semua staf UTeM.

Sekian, Terima kasih.

Pendaftar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

KANDUNGAN

BAHAGIAN A

PAKAIAN BEKERJA DAN UPACARA RASMI

1.0	Latar Belakang	1
2.0	Takrifan	2
3.0	Perlaksanaan Pakaian Semasa Bekerja	2
3.1	Pakaian Semasa Bekerja	3
3.2	Pakaian Wanita	3
3.3	Pakaian Berimej Korporat	3
3.4	Pakaian Jaket Korporat	4
3.5	Pakaian Seragam (Lelaki & Wanita)	4
3.6	Pakaian dan Pemakaian Yang Tidak Dibenarkan	4
3.7	Pakaian Lain (Staf Lelaki & Wanita)	5
3.8	Fesyen Pakaian Alternatif Staf Lelaki	5
3.9	Fesyen Pakaian Batik Malaysia Alternatif Pegawai Lelaki	6
4.0	Pakaian Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi	7
5.0	Tatatertib	10
6.0	Kesimpulan	10
7.0	Tarikh Kuatkuasa	10
8.0	Pembatalan	10

BAHAGIAN B

PERATURAN PAKAIAN SERAGAM STAF

7.0	Tujuan	31
8.0	Peraturan Pakaian Seragam	31
9.0	Pemakaian Pakaian Seragam	
9.1	Pengawal Keselamatan dan Trafik	31
9.2	Pemandu Kenderaan dan Ambulans	31

9.3	Juruteknik dan Pembantu Makmal	32
9.4	Pembantu Am Pejabat (PAP)	32
9.5	Pembantu Rendah Awam (PRA)	32
9.6	Pakaian Perubatan	32
9.7	Bush Jaket	32
10.0	Penentuan Pembekalan Pakaian Seragam	33
11.0	Tatatertib	35
12.0	Kesimpulan	35
13.0	Tarikh Kuatkuasa	35
14.0	Pembatalan	35



UTeM

اوینیورسیتی تیکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PERATURAN PAKAIAN SEMASA BEKERJA DAN SEMASA MENGHADIRI
UPACARA-UPACARA RASMI BAGI STAF
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Peraturan ini diwujudkan kerana cara berpakaian seseorang staf UTeM akan mencerminkan imej sesebuah organisasi. Dengan itu, pakaian yang kemas dan sesuai perlu ditetapkan kepada staf UTeM semasa bekerja atau menghadiri upacara rasmi kerana pakaian tersebut akan membentuk imej yang baik kepada UTeM.
- 1.2 Dalam mewujudkan peraturan pakaian ini, beberapa peraturan pakaian rasmi dan pakaian upacara rasmi yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah dirujuk, iaitu :-
- 1.2.1 Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 1985 - Pakaian Masa Bekerja Dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai;
- 1.2.2 Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 1991 - Pakaian Semasa Menghadiri Upacara Rasmi Bagi Pegawai Tadbir dan Diplomatik,
- 1.2.3 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2006 - Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi,
- 1.2.4 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 - Panduan Pengurusan Pejabat,
- 1.2.5 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 15 Tahun 2007 - Penjelasan Mengenai Pelaksanaan Pemberian Kemudahan Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie Dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi,
- 1.2.6 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 2007 - Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi,

- 1.2.7 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008 - Pemakaian Pakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis
- 1.2.8 Selain daripada itu, pihak universiti juga ada mengeluarkan Pekeliling Pentadbiran yang mewajibkan pemakaian pakaian seragam seperti Pekeliling Pentadbiran Bilangan 35 tahun 2009.

2.0 TAKRIFAN

- 2.1 "Staf" bermaksud staf dari Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional, Sokongan I dan Sokongan II.
- 2.2 "Waktu Semasa Bekerja" bermaksud mengikut waktu bekerja pejabat seperti mana dalam Perintah Am Bab G iaitu bagi Hari Isnin hingga Hari Jumaat adalah dari pukul 8.00 pagi sehingga 5.00 petang.
- 2.3 "Upacara Rasmi" adalah bermaksud sesuatu majlis yang ditetapkan sebagai upacara rasmi oleh pihak pengurusan UTeM termasuk majlis penuh istiadat, majlis formal, majlis separuh formal dan tidak formal.

3.0 PERLAKSANAAN PAKAIAN SEMASA BEKERJA

Peraturan Pakaian ini adalah bagi memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam pekeliling pakaian upacara rasmi dan semasa bekerja seperti berikut:-

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

3.1 Pakaian Semasa Bekerja

3.1.1 Pakaian Lelaki

3.1.1.1 Pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional

- i) 'Loung suit' atau 'bush-jacket' dengan bahan kain dan warna yang sesuai (rujuk m/s 16); atau
- ii) Baju kemeja dan seluar panjang serta bertali leher. Sekiranya baju dipakai berlengan panjang maka tangan baju janganlah dilipat. (rujuk m/s 17)

3.1.1.2 Bagi staf lelaki dalam kumpulan Sokongan I dan II juga dikehendaki sentiasa kemas, seluar panjang berserta baju kemeja dengan warna yang sesuai.

- 3.1.1.3 Untuk kelihatan kemas dan rapi baju hendaklah dimasukkan ke dalam dan sekiranya baju berlengan panjang ianya hendaklah jangan dilipat.
- 3.1.1.4 Sekiranya baju Melayu dipakai maka ianya perlulah lengkap dengan bersampin dan bersongkok. Songkok mestilah berwarna hitam. Staf lelaki digalakkan memakai baju Melayu lengkap pada hari Jumaat. (rujuk m/s 18)
- 3.1.1.5 Pada hari Khamis staf hendaklah memakai baju batik berlengan panjang atau pendek dengan syarat baju batik yang dipakai adalah buatan Malaysia. (kecuali kepada staf yang telah dibekalkan pakaian seragam)(rujuk m/s 19)
- 3.1.1.6 Kasut kulit dan berstokin atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya hendaklah dipakai semasa bekerja. Capal boleh dipakai dengan pakaian baju Melayu yang lengkap dan bersampin.
- 3.1.1.7 Staf lelaki dibenarkan memakai songkok hitam semasa bekerja.

3.2 Pakaian Wanita

- 3.2.1 Staf wanita muslim amat digalakkan menutup aurat sepenuhnya.
- 3.2.2 Pakaian bagi staf wanita mestilah bersopan dan tidak menjolok mata. Staf wanita UTeM amat digalakkan memakai baju kurung semasa bekerja. (rujuk m/s 20 hingga 22)
- 3.2.3 Memandangkan pegawai-pegawai awam terdiri dari berbilang bangsa di Malaysia khususnya di UTeM maka pakaian kebangsaan atau pakaian mengikut kaum masing-masing yang sesuai semasa bekerja adalah dibenarkan.
- 3.2.4 Kasut yang tertutup sepenuhnya hendaklah dipakai semasa bekerja.
- 3.2.1 Staf wanita yang memakai pakaian kasual, pakaian tersebut mestilah bajunya melepas punggung dan kainnya tidak berbelah. (rujuk m/s 26 hingga 28)
- 3.2.2 Seluar Slack yang longgar dan sopan boleh dipakai, tetapi seluar yang ketat dan tidak sopan tidak dibenarkan.

3.3 Pakaian Berimej Korporat

Pakaian berimej korporat Pusat Tanggungjawab boleh dipakai dan hanya dibenarkan pada hari Rabu sahaja.

3.4 Pakaian Jaket Korporat

Pakaian Jaket korporat hendaklah dipakai pada sesuatu masa yang dirasakan sesuai dan perlu seperti menghadiri mesyuarat, lawatan atau majlis universiti. (sila rujuk m/s 29)

3.5 Pakaian Seragam (Lelaki dan Wanita)

Pakaian seragam hendaklah sentiasa dipakai semasa bekerja bagi staf yang dibekalkan dengannya. Keengganan mana-mana staf yang perlu memakainya merupakan satu kesalahan tataterib. (m/s 36, 37, 38, 40, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48,

49, 50)

3.6 Pakaian dan Pemakaian Yang Tidak Dibenarkan

3.6.1 Staf wanita tidak dibenarkan memakai pakaian yang menjolok mata antaranya berbaju kebaya ketat dan singkat, berbaju T, baju ketat, berlengan lebar, leher luas dan tidak berlengan. Skirt ketat, singkat (mini) dan berbelah juga tidak dibenarkan. Seluar 'jeans', separuh singkat, ketat dan seluar sukan dan apa-apa pakaian yang menutup muka tidak dibenarkan dipakai semasa waktu pejabat.

3.6.2 Bagi wanita Islam yang memakai tudung hendaklah menutup aurat sepenuhnya.

3.6.3 Staf lelaki pula tidak dibenarkan memakai jubah, serban dan berkopiah semasa waktu pejabat. Memakai 'jeans' dan seluar pendek juga tidak dibenarkan.

3.6.4 Kuku, rambut dan anggota lain tidak dibenarkan diwarnakan melainkan atas sebab-sebab tertentu.

3.6.5 Staf lelaki juga tidak dibenarkan bertindik atau memakai subang.

3.6.6 Staf tidak dibenarkan memakai atau melukis tatu kekal atau sementara kecuali mengikut adat resam dan agama.

3.6.7 Selipar, kasut getah, kasut kanvas dan kasut sukan tidak boleh dipakai semasa bekerja di dalam waktu pejabat.

3.6.8 Staf lelaki hendaklah mematuhi peraturan mengenai rambut iaitu tidak dibenarkan berambut panjang melepas kolar baju dan rambut sentiasa terurus. (rujuk m/s 30).



3.6.9 Staf yang menjalankan tugas lebih masa adalah dikehendaki memakai pakaian yang sopan dan tidak menjolok mata.

3.7 Pakaian Lain (Staf Lelaki dan Wanita)

3.7.1 Pakaian-pakaian jenis lain yang berbeza dari perenggan 3.1., 3.2, 3.3, 3.4 dan 3.5 di atas termasuk jenis kasut, boleh dipakai oleh staf semasa bekerja jika tugas-tugas semasa memerlukan pakaian sedemikian dan dibenarkan oleh Ketua PTJ.

3.8 Fesyen Pakaian Alternatif Staf Lelaki

Fesyen pakaian alternatif bagi pegawai lelaki adalah seperti Jadual 1:

Bil	Fesyen	Contoh	Syarat
1.	Baju kemeja berlengan panjang:- (a) berkolar baju Melayu cekak musang berbutang tiga, (b) berkolar baju Melayu cekak musang berbutang lima, (c) berkolar Nehru berbutang terselindung, (d) berkolar Mandarin berbutang tiga.	 m/s 11  m/s 11  m/s 13  m/s 13	Berseluar panjang. Lengan baju jangan dilipat. Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (tuckin). Diperbuat dari jenis kain dan warna yang sesuai.
2.	Nehru suit:- (a) berbutang hadapan, (b) berbutang terselindung.	 m/s 12  m/s 12	Diperbuat dari jenis kain dan warna yang sesuai.

3.9 Fesyen Pakaian Batik Malaysia Alternatif Pegawai Lelaki

3.9.1 Pakaian batik Malaysia hendaklah dipakai oleh staf semasa bekerja pada setiap hari Khamis dan semasa menghadiri upacara rasmi yang mensyaratkan pemakaianya. Sehubungan itu, fesyen pakaian batik Malaysia alternatif pegawai lelaki yang boleh dipakai pada hari atau upacara tersebut adalah seperti di Jadual 2

JADUAL 2

Bil	Fesyen	Contoh	Syarat
1.	Baju kemeja batik Malaysia berlengan panjang:- (a) berkolar Baju Melayu cekak Musang berbutang tiga, (b) berkolar Baju Melayu cekak Musang berbutang lima, (c) berkolar Nehru butang terselindung, (d) berkolar Mandarin berbutang tiga.	m/s 14 m/s 14 m/s 15 m/s 15	Berseluar panjang. Lengan baju jangan dilipat. Sekiranya dipadankan dengan kot, baju kemeja batik hendaklah dimasukkan ke dalam (tuck in).

4.0 PAKAIAN SEMASA MENGHADIRI UPACARA-UPACARA RASMI

4.1 Peraturan Pakaian ini adalah bagi memenuhi keperluan yang terdapat di dalam panduan Buku Etika dan Sosial bagi menghadiri upacara-upacara rasmi sama ada untuk majlis penuh istiadat, majlis formal, majlis separuh formal dan tidak formal. Kesesuaian pakaian bagi pelbagai majlis rasmi adalah seperti Jadual 3 berikut:

JADUAL 3

Bil	Majlis	Perempuan	Lelaki
1.	Bankuet Negara atau Negeri	Baju Kurung atau Kebaya Labuh, Bertudung atau Berselendang	Mess Kit/ White Tie/ Baju Kebangsaan Rasmi dengan Darjah Kebesaran
2.	Jamuan Makan Malam Rasmi oleh Ketua Negara atau Ketua Kerajaan	Baju Kurung Bertudung atau berselendang. Baju Kebaya Labuh Berselendang	Baju Kebangsaan Hitam. Black Tie.
3.	Jamuan Makan Malam Formal	Baju Kurung, Baju Kebaya Labuh	Baju Kebangsaan Lounge Suit
4.	Jamuan Makan Malam Tidak Formal.	Baju Melayu Moden	Baju Batik Lengan Panjang
5.	Jamuan Makan Tengahari Rasmi	Baju Kebaya Baju Kurung	Baju Batik Lengan Panjang. Lounge Suit Pakaian Kerja
6.	Jamuan Makan Tengahari Tidak Rasmi	Baju Melayu Moden	Baju Batik Lengan Panjang
7.	Jamuan Teh Rasmi	Baju Kurung Baju Kebaya Labuh	Baju Batik Lengan Panjang, Lounge Suit Pakaian Kerja
8.	Pengurniaan Darjah Kebesaran	Pakaian Istiadat Baju Kurung atau Kebaya Labuh, Bertudung atau Berselendang dan tidak sedondon	Pakaian Istiadat Baju Kebangsaan Rasmi. Baju Kebangsaan Hitam.

Bil	Majlis	Perempuan	Lelaki
9.	Istiadat Pertabalan	Pakaian Istiadat Baju Kurung atau Kebaya Labuh, Bertudung atau Berselendang dan tidak sedondon	Pakaian Istiadat. Baju Kebangsaan Rasmi.
10.	Hari Ulang Tahun Kemerdekaan	Baju Kurung Baju Kebaya	Baju Batik Lengan Panjang, Bush - Jacket, Pakaian Kerja
11.	Pembukaan Sidang Parlimen	Pakaian Istiadat Baju Kurung atau Kebaya Labuh, Bertudung atau Berselendang dan tidak sedondon	Pakaian Istiadat. Baju Kebangsaan Rasmi.
12.	Menghadap Tuanku	Baju Kurung atau Kebaya Labuh, Bertudung atau Berselendang dan tidak sedondon	Lounge Suite Gelap dan Bersongkok. Baju Kebangsaan dan bersongkok
13.	Coktail dan Reception	Baju Kurung Baju Kebaya	Baju Batik Lengan Panjang, Lounge Suit
14.	Tilawah Al-Quran	Baju Kurung Baju Kebaya Labuh dan tidak sedondon	Baju Kebangsaan, Baju Batik Lengan Panjang. Lain-lain pakaian yang sesuai.
15.	Pengebumian	Baju Kurung atau Kebaya Labuh, Bertudung atau Berselendang dan tidak sedondon	Baju Kebangsaan
16.	Majlis Anjuran Agensi (Siang)	Pakaian Kerja	Pakaian Kerja
17.	Majlis di Luar Dewan seperti Perasmian Sukan	Baju Kurung	Baju Batik Lengan Panjang

Bil	Majlis	Perempuan	Lelaki
19.	Anugerah Sastera Negara atau Anugerah Seni Negara	Baju Kurung atau Kebaya Labuh, Bertudung atau Berselendang dan tidak sedondon	Baju Kebangsaan Hitam, Lounge Suit warna gelap.
	Kemangkatan	Wanita Islam dikehendaki berbaju kurung dan berkebaya	Bagi orang Islam hendaklah berpakaian Baju Kebangsaan Hitam, Bersongkok hitam dililit kain putih selebar 3.8 - 4.0 sentimeter manakala bagi Bukan Beragama Islam memakai kot gelap dan bertali leher dengan lilitan hitam 8.5 - 8.9 sentimeter di pakai sebelah atas lengan kiri.

- 4.1 Penguatkuasaan ini adalah tertakluk atas budi bicara Ketua Jabatan dan arahan dari pihak yang menganjurkan majlis tersebut.
- 4.2 Staf yang dikehendaki memakai Pakaian Istiadat adalah layak dibayar Bayaran Pakaian Istiadat atau Bayaran Menghadiri Upacara Rasmi tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 1997, - Bayaran Pakaian Istiadat dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
- 4.3 Staf yang dikehendaki menghadiri upacara rasmi dan disyaratkan memakai 'black tie' adalah layak mendapat bantuan pakaian 'black tie' tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 1993, -Bantuan Bayaran Pakaian 'Black Tie'.
- 4.4 Staf yang dikehendaki memakai pakaian istiadat semasa menghadiri upacara rasmi adalah layak menuntut pakaian 'black tie' tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 1994,- Bantuan Bayaran Pakaian 'Black Tie'.

5.0 TATATERTIB

Staf yang gagal untuk mematuhi peraturan yang dinyatakan di dalam buku ini boleh dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 dan di bawah Undang-Undang Malaysia Akta 605 iaitu Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) Tahun 2000 serta Pekeliling Pentadbiran Bilangan 35 Tahun 2009.

6.0 KESIMPULAN

Keperluan pemakaian pakaian semasa bekerja di pejabat dan upacara rasmi adalah untuk memberi gambaran kepada masyarakat luar mengenai imej UTeM di samping mendisiplinkan staf dalam etika berpakaian selaras dengan peraturan semasa yang telah ditetapkan kepada semua pegawai perkhidmatan awam oleh Kerajaan.

7.0 Tarikh kuatkuasa

Buku panduan ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh ia dikeluarkan

8.0 Pembatalan

Dengan berkuatkuasanya buku panduan ini, maka buku Panduan Peraturan Pakaian Staf tahun 2002 adalah dibatalkan.

Bahagian Pengurusan Organisasii
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KEMEJA BATIK MALAYSIA BERKOLAR BAJU MELAYU CEKAK MUSANG (BERBUTANG TIGA)



Pandangan Hadapan



Dipadan dengan Kot



Pandangan Belakang

UTeM

KEMEJA BATIK MALAYSIA BERKOLAR BAJU MELAYU CEKAK MUSANG (BERBUTANG LIMA)



Pandangan Hadapan




Dipadan dengan Kot



Pandangan Belakang

NEHRU SUIT (BUTANG HADAPAN)



Pandangan Hadapan



Pandangan Belakang

NEHRU SUIT (BUTANG TERSELINDUNG)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Pandangan Hadapan



Pandangan Belakang

KEMEJA BATIK MALAYSIA BERKOLAR NEHRU (BERBUTANG TERSELINDUNG)



Pandangan Hadapan



Dipadan dengan Kot



Pandangan Belakang

KEMEJA BATIK MALAYSIA BERKOLAR MANDARIN (BERBUTANG TIGA)



Pandangan Hadapan



Dipadan dengan Kot



Pandangan Belakang

KEMEJA BERKOLAR BAJU MELAYU CEKAK MUSANG (BERBUTANG TIGA)



Pandangan Hadapan



Dipadan dengan Kot



Pandangan Belakang

KEMEJA BERKOLAR BAJU MELAYU CEKAK MUSANG (BERBUTANG LIMA)



Pandangan Hadapan



Dipadan dengan Kot



Pandangan Belakang

KEMEJA BERKOLAR NEHRU (BERBUTANG TERSELINDUNG)



Pandangan Hadapan



Dipadan dengan Kot



Pandangan Belakang

UTeM

KEMEJA BATIK MALAYSIA BERKOLAR MANDARIN (BERBUTANG TIGA)



Pandangan Hadapan



Dipadan dengan Kot



Pandangan Belakang

PAKAIAN “LOUNGE SUIT” LELAKI



UTeM

جامعة ملaka التقنية

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PAKAIAN KEMEJA BERLENGAN PANJANG LELAKI



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PAKAIAN BAJU MELAYU LELAKI



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PAKAIAN BAJU BATIK LELAKI



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
PAHANG

PAKAIAN BAJU KURUNG BATIK WANITA



PAKAIAN BAJU KURUNG WANITA



PAKAIAN BAJU KURUNG WANITA DENGAN POTONGAN RAMBUT



PAKAIAN KEBAYA WANITA



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM

PAKAIAN JUBAH WANITA



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PAKAIAN BLAUS WANITA MENGANDUNG



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
UTEM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
UTEM

PAKAIAN KASUAL WANITA

(BAJU MELEPASI PUNGGUNG DAN KAIN TIDAK BERBELAH)



PAKAIAN KASUAL WANITA

(BAJU MELEPASI PUNGKUNG DAN BERSELUAR PANJANG)



جامعة تكنولوجيا ملaka
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

جامعة تكنولوجيا ملaka
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

(BUKAN BERAGAMA ISLAM)

PAKAIAN KASUAL WANITA YANG SOPAN



جامعة تكنولوجيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA MELAKA

PAKAIAN BERIMEJ KORPORAT UTeM



KEMASAN POTONGAN RAMBUT LELAKI



BAHAGIAN B
PERATURAN PAKAIAN SERAGAM STAF
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Imej sesebuah organisasi Kerajaan akan dibawa oleh pegawai sesebuah organisasi itu dan ianya mencerminkan organisasi tersebut. Secara tidak langsung pakaian seragam yang dibekalkan akan menggambarkan imej Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 PERATURAN PAKAIAN SERAGAM

Dalam melaksanakan penggunaan pakaian seragam di Universiti Teknikal Malaysia Melaka, beberapa peraturan pakaian seragam perlu diwujudkan. Pemakaianya adalah melalui:-

- 2.1 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990
Peruntukan Bekalan Pakaian Seragam,
- 2.2 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1995
Peruntukan Bekalan Pakaian Seragam,
- 2.3 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2002 Peraturan Mengenai Pembekalan Pakaian Seragam Bagi Kakitangan Pejabat.

3.0 PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM

Bagi memenuhi keperluan yang ditetapkan di dalam pekeliling pakaian seragam, yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

3.1 Pengawal Keselamatan dan Trafik

Pakaian seragam ini dipakai sebagai lambang kuasa yang diperuntukkan kerana jawatan tersebut melibatkan penguatkuasaan undang-undang, memasuki kawasan, bangunan dan rumah-rumah di dalam kawasan universiti untuk tujuan pemeriksaan. Pakaian seragam ini bertujuan sebagai pengenalan diri ketika berurusan dengan orang yang terlibat semasa menjalankan tugas. Staf juga dikehendaki memakai pakaian seragam sepanjang waktu bertugas. Staf yang terlibat adalah Pengawal Keselamatan dan Pengawal Trafik seperti di mukasurat 42, 43, dan 44.

3.2 Pemandu Kenderaan dan Ambulans

Pakaian ini hendaklah dipakai pada waktu kerja harian biasa bagi urusan-urusan rasmi. Staf yang terlibat adalah Pemandu Kenderaan dan Pemandu Ambulans seperti di mukasurat

3.3 Juruteknik dan Pembantu Makmal

Pakaian seragam ini dipakai untuk tujuan perlindungan dan keselamatan diri staf daripada percikan bahan-bahan kimia, hal-hal yang berkaitan dengan elektrik dan kekotoran semasa bertugas. Ianya termasuk Operator Loji dan Penjaga Elektrik seperti di mukasurat 36, 37

50

3.4 Pembantu Am Pejabat (PAP)

Pakaian seragam ini dibekalkan bagi tujuan kebersihan, keseragaman dan kekemasan staf bagi Pembantu Am Pejabat lelaki dan wanita seperti di mukasurat 38 - 40.

3.5 Pekerja Rendah Awam (PRA)

Pekerja Rendah Awam lebih banyak terlibat dengan kerja - kerja yang melibatkan aktiviti fizikal dan kebanyakan tugas dilaksanakan di luar kawasan pejabat. Oleh itu, pemakaian T-shirt adalah lebih sesuai dengan bidang tugas mereka. Manakala jaket pula seperti di mukasurat 36.

3.6 Pakaian Perubatan

Perubatan merupakan salah satu bidang berkenaan menjaga dan mengekalkan kesihatan dan rasa sihat (wellness). Dengan kata lain, perubatan ialah sains untuk menghalang dan menyembuhkan penyakit. Pakaian yang dipakai juga mencerminkan kekemasan serta keseragaman di dalam bidang perubatan seperti di mukasurat 45, 46, 47, 48, 49.

3.7 Bush Jaket

"Bush Jaket" hanya dibekalkan kepada pemandu Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor sahaja (*Cabutan minit mesyuarat Majlis Eksekutif UTeM Bil. 2/2009 Ketas kerja Bil.23/2009*). Ianya bertujuan untuk dipakai pada majlis-majlis rasmi yang dihadiri oleh Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor di samping memberi imej kekemasan seperti di mukasurat 41.

4.0 PENENTUAN PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM

Pakaian seragam yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Pakaian Seragam universiti bagi Pegawai Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun di Jabatan Perdana Menteri di mana jumlah pakaian yang dibekalkan adalah sebanyak tiga (3) pasang pakaian seragam dan dua (2) pasang kasut setahun.

Pembahagian pakaian seragam mengikut jawatan adalah seperti di Jadual 4.

JADUAL 4

BIL	PERJAWATAN	JENIS PAKAIAN	JUMLAH
1.	Pemandu Kendaraan	Kemeja Lengan Pendek	2
		Seluar	3
		Jaket	1
	Pemandu Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor	Bush Jaket	2
2.	Pengawal Keselamatan <i>Lelaki dan wanita</i>	Kemeja Lengan Pendek (L) / panjang (W)	3
		Seluar	3
		Tudung	3
	<i>Pengawal Trafik</i>	Kemeja Lengan Pendek	3
		Seluar	3
3.	Juruteknik, Operator Loji, Penjaga Jentera Elektrik <i>Lelaki dan wanita</i>	Kemeja Lengan Pendek (L)/ Panjang (W)	1
		Seluar	3
		Jaket	2
4.	Pembantu Am Pejabat (PAP) Lelaki	Kemeja Lengan Pendek	3
		Seluar	3
	Pembantu Am Pejabat (PAP) Wanita	Tudung	3
		Blaus	1
		Baju kurung	2
5.	Pekerja Rendah Awam (PRA)	T-Shirt Lengan Pendek	2
		Seluar	3
		Jaket	1

PERJAWATAN		JENIS PAKAIAN	JUMLAH
6.	Tukang Elektrik dan Tukang Kayu (K2 & K3)	T-Shirt Lengan Pendek	2
		Seluar	3
		Jaket	1
7.	Pembantu Makmal Lelaki dan wanita	Jaket	2
8.	Pegawai Perubatan Lelaki dan wanita	Lab Coat	3
9.	Penolong Pegawai Perubatan Lelaki dan Wanita	Kemeja Lengan Pendek (L)/ Panjang (W)	3
		Seluar	3
10.	Jururawat	Baju Jururawat	3
		Seluar	3
		Tudung	3
11.	Penolong Pegawai Farmasi	Baju Penolong Pegawai Farmasi	3
		Seluar	3
		Tudung	3
12.	Atendan Kesihatan	Baju Lengan Pendek (L)/ Panjang(W)	3
		Seluar	3
		Tudung (W)	3
13.	Pembantu Taman/ladang	T-Shirt Lengan Pendek	2
		Seluar	3
		Jaket	1

5.0 TATATERTIB

Staf yang gagal untuk mematuhi peraturan yang dinyatakan boleh dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan kepada Perintah Am Bab D, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 dan di bawah Undang-Undang Malaysia Akta 605 iaitu Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) Tahun 2000.

6.0 KESIMPULAN

Keperluan pemakaian pakaian seragam adalah untuk memberi gambaran kepada masyarakat luar tentang imej UTeM di samping mendisiplinkan staf dalam etika berpakaian selaras dengan peraturan semasa. Keengganan staf mematuhi Peraturan Pakaian Seragam ini merupakan satu kesalahan tatatertib

7.0 Tarikh kuatkuasa

Buku panduan ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh ia dikeluarkan

8.0 Pembatalan

Dengan berkuatkuasanya buku panduan ini, maka buku Panduan Peraturan Pakaian Staf tahun 2002 adalah dibatalkan.

Bahagian Pengurusan Organisasi

Pejabat Pendaftar


Universiti Teknikal-Malaysia Melaka




جامعة ماليزيا تكنولوجية ملaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


PAKAIAN SERAGAM JENIS JAKET BAGI LELAKI




PAKAIAN SERAGAM JENIS JAKET BAGI PEREMPUAN



PAKAIAN SERAGAM JENIS KEMEJA LENGAN PENDEK BAGI LELAKI



PAKAIAN SERAGAM PEMBANTU AM WANITA



PAKAIAN SERAGAM JENIS BAJU KURUNG



PAKAIAN "BUSH JACKET"




PAKAIAN SERAGAM PENGAWAL KESELAMATAN LELAKI



PAKAIAN SERAGAM PENGAWAL KESELAMATAN WANITA




PAKAIAN SERAGAM PENGAWAL TRAFIK



PAKAIAN SERAGAM JENIS “OVERALL LAB COAT” PEGAWAI PERUBATAN




PAKAIAN SERAGAM PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN



PAKAIAN SERAGAM JURURAWAT




PAKAIAN SERAGAM ATENDAN KESIHATAN WANITA




UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PAKAIAN SERAGAM ATENDAN KESIHATAN LELAKI



PAKAIAN SERAGAM PEMBANTU MAKMAL LELAKI



Rujukan

- i) Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 1985 - Pakaian Masa Bekerja Dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai;
- ii) Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 1991 - Pakaian Semasa Menghadiri Upacara Rasmi Bagi Pegawai Tadbir dan Diplomatik,
- iii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2006 - Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi,
- iv) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 - Panduan Pengurusan Pejabat,
- v) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 15 Tahun 2007 - Penjelasan Mengenai Pelaksanaan Pemberian Kemudahan Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie Dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi,
- vi) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 2007 - Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi,
- vii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008 - Pemakaian Pakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis.

جامعة ماليزيا تكنولوجية

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA